

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA
DI TEMERLOH DI NEGERI PAHANG
TUNTUTAN NO: TTPM-C-(B)-4-2021**

ANTARA

ZULAZLI BIN ZULKIFLI

...PIHAK YANG MENUNTUT

DAN

CALPOWER SDN. BHD.

... PENENTANG

ALASAN PENGHAKIMAN

- [1] Pihak Yang Menuntut telah membeli sebuah kereta jenama Ford Ranger 2.2L XLT 4WD (Double Cab Pick Up) dengan No. Pendaftaran: BLT 80XX dari Syarikat Calpower Sdn. Bhd. di Johor Bharu iaitu Pihak Penentang dengan harga RN53, 000.00.
- [2] Semasa Pihak Yang Menuntut hadir di bilik pameran/'*showroom*' Pihak Penentang untuk melihat kereta tersebut, beliau diberi peluang untuk pandu uji / 'test drive' kereta tersebut dalam jarak lebih kurang 500 meter. Pada masa tersebut keadaan luaran kereta nampak baik dan mileage kereta tersebut hanya 80,000 km sahaja.

- [3] Oleh yang demikian Pihak Yang Menuntut membuat keputusan untuk membeli kereta tersebut dari Pihak Penentang atas representasi tersebut.
- [4] Seterusnya bayaran telah dibuat oleh Pihak Yang Menuntut kepada Pihak Penentang melalui tiga kali ansuran secara tunai iaitu :
- i) RM20,000.00 pada 30/07/2020 [salinan resit bayaran - PYM (1)]
 - ii) RM20,000.00 pada 04/08/2020 [salinan resit bayaran - PYM (2)]
 - iii) RM13,000.00 pada 06/08/2020 [salinan resit bayaran - PYM (3)]
- [5] Pada 06/08/2020, setelah kesemua harga belian kereta tersebut dijelaskan oleh Pihak Yang Menuntut, Pihak Yang Menuntut mengambil kereta tersebut dari bilik pameran Pihak Penentang yang beralamat di No. 101, Jalan Kebun Teh, Taman Kebun Teh, 80250 Johor Bahru, melalui agennya Wong Zen Bang (kemudiannya dirujuk sebagai WZB). Segala urusan proses pembelian kereta tersebut dikendalikan oleh WZB. Pada hari yang sama Pihak Yang Menuntut ada maklumkan kepada WZB bahawa beliau akan bawa balik kereta tersebut ke Bera di Pahang. Jarak antara Johor Bahru dengan Bera adalah lebih kurang 300 km iaitu lebih kurang 4 jam perjalanan.
- [6] Mengikut keterangan Pihak Yang Menuntut, WZB tidak memberitahu keadaan sebenarnya kereta tersebut. Dengan

anggapan kereta tersebut dalam keadaan baik dan sempurna dan atas penuh percaya kepada representasi Pihak Penentang maka Pihak Yang Menuntut terus bawa keretanya balik ke Bera pada hari yang sama.

- [7] Semasa dalam perjalanan balik ke Bera dan sampai ke Tangkak, Johor, tiba-tiba kereta tersebut keluar isyarat suhu enjin tinggi di mana meter suhu kereta menunjuk ke 'H'. Jarak antara Johor Bahru dengan Tangkak adalah l/k 180 km dan perjalanan tersebut mengambil masa l/k 2 jam.
- [8] Pihak Yang Menuntut terus berhentikan keretanya selama lebih kurang ½ jam. Apabila suhu enjin kereta sudah menurun dan sejuk, Pihak Yang Menuntut teruskan perjalanannya dengan memandu perlahan-lahan sehingga ke Bahau di Negeri Sembilan. Jarak antara Tangkak dengan Bahau adalah l/k 80 km dan perjalanan tersebut akan mengambil masa l/k 1 jam 20 min dalam keadaan panduan yang biasa.
- [9] Semasa berhenti di Bahau, Pihak Yang Menuntut menghubungi WZB berkait dengan isyarat suhu tinggi/panas kereta tersebut. Namun nasihat yang diberi oleh WZB hanya "rehat dulu, jangan bawa kereta, sejukkan enjin" serta minta Pihak Yang Menuntut jaga air dan tidak menggunakan kereta tersebut terlalu lama untuk mengelak suhu enjin kereta tersebut menjadi terlampau tinggi/panas. Pihak Yang Menuntut pun berhentikan keretanya dan tunggu lebih kurang ½ jam sehingga enjin kereta sejuk lalu tambah air dalam 'spare tank' dan meneruskan perjalanannya hingga ke Bera. Jarak dari Bahau ke Bera adalah lebih kurang 64

km iaitu lebih kurang 1 jam perjalanan dalam keadaan panduan biasa. Walaubagaimanapun Pihak Yang Menuntut memandu keretanya dalam kelajuan yang amat perlahan.

[10] Apabila sampai di rumahnya di Bera, Pihak Yang Menuntut sekali lagi menghubungi WZB dan maklumkan keadaan keretanya. Tujuan Pihak Yang Menuntut mengambil tindakan menghubungi WZB kerana beliau berpendapat kereta tersebut ada masalah memandangkan keluaran Model kereta Ford Ranger ini adalah pada tahun 2013 iaitu lebih kurang 7 tahun.

[11] Merujuk kepada keterangan Pihak Yang Menuntut, kereta tersebut telah mengalami masalah suhu enjin terlampau panas/'overheated' sebanyak dua (2) kali sehingga keluar isyarat amaran. Keterangan Pihak Yang Menuntut tersebut tidak dicabar ataupun dipertikaikan oleh Pihak Penentang semasa pendengaran tuntutan. Ini membawa maksudnya kereta yang dibekalkan oleh Pihak Penentang kepada Pihak Yang Menuntut adalah dalam keadaan yang amat tidak sempurna untuk digunakan oleh Pihak Yang Menuntut serta tidak selamat untuk dipandu oleh Pihak Yang Menuntut sebagaimana peruntukan seksyen 32 Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) iaitu:

“ 32 (1) Jika barang dibekalkan kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa barang itu adalah daripada kualiti boleh terima.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), barang itu adalah disifatkan daripada kualiti boleh terima –

(a) jika barang itu –

- (i) sesuai bagi semua maksud yang baginya barang daripada jenis yang berkenaan itu lazimnya dibekalkan;
- (ii)
- (iii) bebas daripada kecacatan yang kecil;
- (iv) selamat ; dan
- (v)

[12] Selain daripada itu, Pihak Yang Menuntut ada maklumkan kepada Pihak Penentang bahawa beliau akan bawa keretanya balik ke Bera pada hari yang sama Pihak Yang Menuntut mengambil kereta tersebut dari bilik pameran Pihak Penentang. Keterangan Pihak Yang Menuntut tersebut juga tidak dicabar atau dipertikaikan oleh Pihak Penentang semasa pendengaran tuntutan.

[13] Mengikut keterangan Pihak Yang Menuntut, Pihak Penentang tidak maklumkan kepada beliau tentang keadaan sebenar kereta tersebut walaupun Pihak Yang Menuntut telah bagi notis kepada Pihak Penentang tentang kegunaan kereta tersebut iaitu untuk panduan jarak jauh dari Johor Bahru ke Bera di Pahang. Kereta yang dibekalkan oleh Pihak Penentang sepatutnya dalam keadaan yang sesuai untuk kegunaan Pihak Yang Menuntut sebagaimana peruntukan Seksyen 33 Akta yang sama iaitu;

“33 (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), gerenti yang berikut hendaklah tersirat jika barang dibekalkan kepada pengguna:

- (a) bahawa barang itu adalah semunasabahnya sesuai bagi apa-apa maksud tertentu yang telah dimaklumkan, secara nyata atau tersirat, oleh pengguna kepada pembekal sebagai maksud barang itu diperolehi oleh pengguna;

[14] Pihak Yang Menuntut telah membeli kereta tersebut dari Pihak Penentang dengan harga RM53,000.00 dan beliau hanya dapat memandu kereta tersebut beberapa jam sahaja sebelum isyarat amaran enjin panas dikeluarkan iaitu di Tangkak dan kemudian di Bahau.

[15] Alasan yang digunakan oleh Pihak Penentang dalam pembelaannya ialah Pihak Yang Menuntut sepatutnya tidak boleh meneruskan perjalanannya dalam keadaan enjin panas/ *'overheated'*. Jika pembelaan sedemikian boleh diterima oleh Tribunal ia akan terjurus kepada ketidakadilan kepada pengguna iaitu Pihak Yang Menuntut serta amat tidak munasabah untuk Pihak Yang Menuntut mengeluarkan wang sebanyak RM53,000.00 bagi membeli sebuah kereta yang gagal menjalankan fungsinya. Tribunal mengambil notis bahawa RM53,000.00 adalah satu jumlah yang amat besar dan boleh digunakan untuk membeli kereta baru jenama lain dan boleh menjalankan fungsi yang sempurna. Oleh yang demikian, Tribunal menolak pembelaan Pihak Penentang atas alasan di atas.

[16] Seterusnya berkait dengan isu misrepresentasi Pihak Penentang tentang mileage sebenar kereta tersebut kepada Pihak Yang

Menuntut apabila Pihak yang Menuntut menunjukkan minatnya terhadap pembelian kereta tersebut. Pihak Yang Menuntut telah ditunjukkan mileage 80,000.00 km semasa beliau tengok kereta tersebut di bilik pameran. Pada 08/10/2020, Pihak Yang Menuntut telah membuat semakan dengan Ford Center dan beliau amat terkejut apabila dimaklumkan bahawa mileage kereta tersebut sudah mencapai 202,610 km pada tahun 2015 [rujuk PYM (5)]. Beliau juga dimaklumkan bahawa odometer kereta tersebut telah diubah/diusik. Pihak Penentang tidak mencabar Laporan Ford Center [PYM (5)] tetapi hanya menyatakan bahawa mereka tidak tahu menahu tentang mileage sebenar kereta tersebut. Alasan yang diberi oleh Pihak Penentang semasa memberi keterangan ialah mereka membeli kereta tersebut dari agen lain atau pemilik lain atau broker lain. Pihak Penentang gagal kemukakan bukti yang kukuh bahawa mereka benar benar tiada pengetahuan tentang odometer kereta tersebut telah diubah atau diusik.

- [17] Sebagai seorang peniaga atau agen yang menjalankan perniagaan jualbeli kereta terpakai adalah tidak munasabah langsung bahawa Pihak Penentang langsung tidak mengambil berat serta menyemak mileage kereta tersebut dari pihak yang berkenaan sebelum mereka mengambil keputusan untuk membeli kereta tersebut dari agen, broker atau mana-mana pemilik kereta sebagaimana dakwaan Pihak Penentang dalam keterangannya. Sebagai seorang perniaga/agen mestilah Pihak Penentang akan bertindak secara was-was iaitu prudent bila ingin membeli sesebuah kereta untuk tujuan jualbeli kepada pelanggannya dan bukan sebaliknya kecuali wujud niat untuk menipu pelanggannya seperti dalam tuntutan ini.

[18] Pihak Yang Menuntut telah mengeluarkan duitnya sendiri untuk membaiki keretanya sebanyak RM22,000.00 apabila tuntutan pembaikan keretanya melalui syarikat insuran WM Synergy Sdn. Bhd. ditolak. Pada masa yang sama Pihak Yang Menuntut juga membuat tuntutan RM3,000.00 sebagai gantirugi ketidakbolehan beliau menggunakan keretanya semenjak 08/08/2020 sehingga keretanya dibaik pulih semula. Tuntutan gantirugi tersebut ditolak oleh Tribunal.

[19] Semasa pendengaran Pihak Yang Menuntut mengemukakan bil pembaikan keretanya dan ditanda sebagai [PYM (4)] walaubagaimanapun Pihak Penentang tidak mencabar butiran bil tersebut. Pihak Penentang hanya mencabar cara penggunaan kereta semasa suhu kereta tersebut naik panas dalam Borang 2 dan mencabar tentang mileage dalam keterangannya di mahkamah Tribunal.

[20] Setelah meneliti keterangan-keterangan kedua-dua pihak, dokumen-dokumen yang dikemukakan serta Pernyataan Tuntutan (Borang 1) dan Pernyataan Pembelaan (Borang 2) yang difailkan oleh kedua-dua pihak masing-masing, Tribunal mendapati bahawa :

- (i) Kereta yang dibeli oleh Pihak Yang Menuntut dari Pihak Penentang hanya boleh digunakan selama 2 ½ jam sebelum isyarat amaran enjin terlampau panas dikeluarkan;

- (ii) Pihak Penentang tidak dapat memberi alasan yang munasabah berkait dengan odometer kereta tersebut yang telah diubah/diusik dan mileage yang ditunjukkan kepada Pihak Yang Menuntut tidak betul/ tidak tepat; dan
- (iii) Kegagalan Pihak Penentang mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen 32 dan seksyen 33 Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) sebagaimana dinyatakan di atas.

Award

[21] Maka Tribunal telah membuat keputusan memberikan award di bawah Borang 10 seperti berikut:

Penentang dikehendaki membayar balik RM22,000.00 kepada Pihak Yang Menuntut (PYM) sebagai kos pembaikan kereta BLT 80XX dalam masa 14 hari dari tarikh award.

Tarikh : 06 Mac 2022

T.T
OOI CHOOI GAIK
PRESIDEN TRIBUNAL TUNTUTAN
PENGGUNA MALAYSIA